

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE  
(PETALING JAYA UTARA)****PERTANYAAN : BERTULIS****Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [ PETALING JAYA UTARA ]**minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) kos pengurusan MRT Sg Buloh-Kajang setiap bulan, termasuk pembayaran faedah pinjaman; dan
- (b) jumlah penumpang dan pendapatan bagi setiap bulan sejak Julai 2017 secara terperinci.

**JAWAPAN****JAWAPAN Soalan a):**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, perkhidmatan MRT - Laluan Sungai Buloh Kajang (MRT Laluan Satu), yang dibuka sepenuhnya pada 17 Julai lepas, adalah satu inisiatif utama Kerajaan dalam menaik taraf dan menyediakan sistem pengangkutan awam berkelas dunia.

Perkhidmatan MRT Laluan Satu dilengkapi kemudahan serba moden, canggih dan memberi impak yang tinggi disamping pelbagai manfaat, khususnya dalam meningkatkan pulangan ekonomi atau dengan izin, *economic benefits* kepada rakyat dengan meningkatnya kesalinghubungan dan mobiliti rakyat, khususnya di Lembah Kelang.

Manfaat dan pulangan ekonomi ini lebih bermakna pada masa akan datang apabila MRT Laluan Satu ini menjadi matang dan berintegrasi dengan laluan-laluan MRT yang baru, ditambah pula dengan perkhidmatan Rel Berkelajuan Tinggi, atau, dengan izin *High Speed Rail*.

Kos pengurusan operasi MRT adalah dalam lingkungan belasan juta ringgit sebulan semenjak pembukaan penuh Laluan MRT SBK pada Julai 2017. Angka ini berubah mengikut keadaan semasa, khususnya jumlah hari dalam sebulan, kekerapan tren, perkhidmatan tambahan dan sebagainya.

**Jawapan Soalan b):**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, sejak

perkhidmatan MRT Laluan Satu mula diperkenalkan pada Disember 2016, perkhidmatan ini amat popular di kalangan rakyat. Rata-rata, perkhidmatan ini mendapatkan respons yang cukup memberangsangkan dan dijangka akan terus meningkat pada masa akan datang.

Semenjak MRT Laluan Satu dibuka sepenuhnya pada 17 Julai 2017, jumlah penumpang yang paling tinggi dicatatkan adalah pada bulan Ogos dengan catatan 4,188,478 penumpang sebulan ketika Malaysia menjadi tuan rumah kepada Temasya Sukan SEA ke 29. Bulan Julai mencatatkan seramai 2,360,911 penumpang, manakala bulan September mencatat 3,100,360 penumpang.